

Penerapan Rutin Berfikir Dalam Pembelajaran Kefahaman Membaca Melalui Portal SLS

Suriana Mohamed Bakri

hesheam_hashim@schools.gov.sg

Noorasmaedah Ahmad

noorasmaedah_ahmad@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Kranji

Abstrak

Kefahaman membaca ialah keupayaan memahami bahan yang dibaca. Ini merupakan satu proses penerapan maklumat yang terkandung dalam bahan bacaan. Pembelajaran kefahaman membaca ini menjadi suatu cabaran apabila murid tidak memahami apa yang dibaca justeru menghadapi kesukaran dalam menjawab soalan-soalan kefahaman. Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan kemahiran membaca dan membolehkan murid membuat penilaian, penaakulan, mengulas, meramal dan menghayati bahan yang dibaca. Kajian ini menggunakan pendekatan rutin berfikir bagi menggalakkan murid berfikir secara kritis. Dapatan kajian menunjukkan 100% murid lulus dalam latihan kefahaman membaca. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi-strategi pengajaran yang digunakan telah membantu membina struktur yang berkesan dan murid lebih fokus dalam mencari dan memilih jawapan.

Kata Kunci: rutin berfikir, kefahaman membaca, penilaian, strategi pengajaran



PENGENALAN

Rutin berfikir merupakan alat dan tatacara untuk membimbing murid melaksanakan proses berfikir. Ia juga menggalakkan proses berfikir yang berlaku secara aktif, berstruktur, bersistematik dan produktif.

Rutin berfikir penting untuk diterapkan dalam pembelajaran kefahaman membaca dalam bilik darjah memandangkan kebanyakan murid agak lemah dalam pembelajaran ini. Murid mempunyai penguasaan kosa kata yang terhad dan adakalanya mereka tidak memahami kehendak soalan. Rutin berfikir menggalakkan murid berfikir secara berstruktur dan berkeyakinan untuk bertanyakan soalan.

Portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) memberikan murid fleksibiliti untuk belajar mengikut kepantasan dan masa mereka sendiri. Portal SLS membolehkan murid belajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada dan menjadi pelajar sendiri. Portal SLS juga membolehkan guru mencipta bahan pengajaran sendiri dan berkongsi bahan-bahan tersebut bersama rakan guru lain.

PERNYATAAN MASALAH

Kelemahan murid menjawab soalan kefahaman subjektif dalam peperiksaan bukanlah suatu perkara baharu. Berdasarkan analisis item SA1 bagi kohort murid Darjah 3 (2019), hanya 56% orang murid lulus bahagian kefahaman membaca. Kemahiran kefahaman membaca bukan hanya sekadar memahami teks dan menjawab soalan-soalan kefahaman. Pemahaman perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Keupayaan kefahaman akan membantu murid meningkatkan pengetahuan menerusi maklumat daripada bahan yang dibaca dan tidak hanya bergantung kepada pengajaran guru dalam kelas. Oleh itu, teknik pengajaran kefahaman membaca yang berkesan akan dapat membantu guru mengenal pasti kelemahan murid dalam tahap pemahaman.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid memahami petikan yang dibaca;
2. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran kefahaman membaca; dan
3. mewujudkan budaya berfikir dalam kelas.

KAJIAN LEPAS

Perkins (2003) menyatakan bahawa golongan pendidik boleh melakukan sesuatu untuk menjadikan pemikiran lebih jelas daripada apa yang biasanya berlaku dalam bilik darjah. Apabila guru berbuat demikian, murid diberikan lebih banyak ruang untuk membina dan mempelajari sesuatu.

Morrison (2011) menekankan bahawa untuk menggalakkan pemikiran di dalam bilik darjah, guru harus memberi peluang kepada murid untuk berfikir dan menjadikan pemikiran murid lebih jelas.

Heredia (2017) berpendapat bahawa penggunaan rutin berfikir dapat meningkatkan kesedaran murid dan konsep berfikir boleh beralih daripada tindakan fizikal kepada tindakan kognitif. Pemikiran murid juga beralih daripada hanya mengenal pasti tindakan fizikal kepada kesinambungan antara tindakan fizikal dan tindakan kognitif. Walaupun hasilnya positif, namun fasa rawatan tidak cukup lama untuk murid memahami keberkesanan atau nilai sepenuhnya rutin berfikir bagi pemahaman mereka. Murid juga dapat menentukan bahawa berfikir untuk memahami sesuatu amat bermanfaat, tetapi tidak dapat menilainya sendiri atau menggunakannya di dalam bilik darjah yang lain. Justeru, rutin berfikir yang jelas dan penekanan terhadap pemikiran untuk memahami sesuatu aktiviti dapat membantu menubuhkan bahasa kognitif yang sama di dalam bilik darjah.



KAEDAH KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan data yang diperolehi melalui respons murid dan analisis jawapan bagi soalan-soalan kefahaman membaca. Sebanyak 20 orang murid Darjah 3 dari kelas 3ML1 dan 3ML2 dipilih sebagai sampel kajian. Mereka dikehendaki membaca petikan naratif dan menjawab 4 soalan kefahaman. Terlebih dahulu, murid sudah didedahkan dengan strategi “iKlu” dalam membantu mereka memahami petikan yang dibaca dengan lebih berkesan. “iKlu” memerlukan murid menandakan simbol-simbol pada watak, tempat, perasaan dan sikap yang terdapat dalam teks.

Setiap jawapan bagi soalan-soalan kefahaman diperiksa dan dianalisis bagi mengenal pasti fakta dan isi yang sesuai. Statistik berbentuk markah digunakan untuk menyatakan ketepatan jawapan bagi soalan kefahaman yang diberi.

Pengkaji juga menerapkan penggunaan Amalan Pengajaran Singapura (STP) bagi menyusun pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pengajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Murid menonton video dan berkongsi respons mereka tentang kisah yang ditonton melalui <i>Mentimeter</i> dengan menggunakan iPad secara individu.



	AP15: Menggalakan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi Murid bekerjasama dalam perbincangan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti .
Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan Tugas yang Bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai Murid menjawab soalan-soalan kefahaman
Penerangan dan Justifikasi	Bagi melatih dan membina kemahiran berfikir dengan lebih kritis dan sistematik, guru menunjukkan video beserta teks. Soalan-soalan yang berkaitan teks dipaparkan melalui <i>mentimeter</i> , dan portal SLS. Murid juga dibiasakan dengan penggunaan rutin berfikir membolehkan murid melahirkan pemikiran mereka dengan lebih jelas dan nyata serta membina kemahiran berfikir secara kritis dan menjawab soalan-soalan kefahaman.	

Subjek Kajian

Dalam kajian ini, subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 3 Bahasa Melayu (3ML1 & 3ML2) yang melebihi aras kebolehan dan pada aras kebolehan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 20 orang. Kumpulan ini dipilih sebagai subjek kajian untuk meningkatkan kemahiran berfikir mereka dalam menjawab soalan kefahaman membaca berdasarkan petikan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka. Rutin ini diharapkan dapat membantu mereka berfikir dengan lebih sistematik dan kritis berdasarkan video yang ditunjukkan dan petikan karangan yang diberi. Keupayaan murid dinilai melalui respons murid berdasarkan soalan-soalan yang tertera dalam *Mentimeter*, *Kahoot!* dan kuiz dalam portal SLS. Melalui portal SLS, murid dapat menjana idea untuk memahami teks dan menjawab soalan secara terbimbing.



Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan secara berperingkat untuk memastikan murid dapat menyesuaikan diri dengan penggunaan rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka. Dengan menggunakan rutin ini, murid dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir mereka dengan lebih berkesan. Murid dibimbing melengkapkan tugas dengan melakukan aktiviti-aktiviti dan menjawab soalan-soalan tertentu.

Sebagai induksi, guru menunjukkan video. Murid berkongsi respons mereka tentang kisah yang ditonton melalui *Mentimeter* dengan menggunakan iPad secara individu seperti di dalam Rajah 1. Murid kelihatan fokus dan berminat. Mereka memberikan respons melalui *Mentimeter* bagi mengukur pengetahuan sedia ada mereka.

Rajah 1: Respons Murid Menggunakan *Mentimeter* Selepas Menonton Video



Sebagai latihan untuk mengukuhkan pemahaman, murid menjawab soalan kefahaman MCQ melalui *Kahoot!* berdasarkan video yang ditonton. Penggunaan *Mentimeter* & *Kahoot!* membuat murid melibatkan diri secara aktif sepanjang pembelajaran.

Jadual 1: Jawapan Murid Menggunakan Kahoot!

Players	Total Score (points)	Q1	Apakah yang dibawa oleh nenek itu?	Q2	Siapakah yang membantu nenek itu?	Q3	Dari manakah nenek itu?	Q4	Bilakah kejadian ini berlaku?
Alfarah	4286	928	beg plastik yang berat	1038	seorang ibu dan anak	1125	pasar	1205	pada pagi Sabtu
Haziq	4291	920	beg plastik yang berat	1003	seorang ibu dan anak	1163	pasar	1205	pada pagi Sabtu
Nurin	4281	878	beg plastik yang berat	1040	seorang ibu dan anak	1133	pasar	1230	pada pagi Sabtu
Iffah	4176	878	beg plastik yang berat	1040	seorang ibu dan anak	1080	pasar	1178	pada pagi Sabtu
Firas	3896	858	beg plastik yang berat	1040	seorang ibu dan anak	1093	pasar	905	pada pagi Sabtu
Aida	3844	868	beg plastik yang berat	988	seorang ibu dan anak	1023	pasar	965	pada pagi Sabtu
Aniq	2818	920	beg plastik yang berat	1048	seorang ibu dan anak	0	pasar malam	850	pada pagi Sabtu
Shafy	2791	878	beg plastik yang berat	0	anak dan cucu	900	pasar	1013	pada pagi Sabtu
Danish Danial	2783	885	beg plastik yang berat	1020	seorang ibu dan anak	0	kedai runcit	878	pada pagi Sabtu
Siti	2768	910	beg plastik yang berat	950	seorang ibu dan anak	0	pasar malam	878	pada pagi Sabtu
Arissa	2608	890	beg plastik yang berat	995	seorang ibu dan anak	0	pasar malam	923	pada pagi Sabtu
Rusyaidi	1923	0	beg tangan yang berat	930	seorang ibu dan anak	993	pasar	0	selepas waktu sekolah

Secara keseluruhan, 95% orang murid dapat menjawab soalan 1, 90% orang murid bagi soalan 2 dan 90% bagi soalan 4 dengan cemerlang. Bagi soalan 3, hanya 55% orang murid sahaja yang dapat menjawab dengan betul. Kebanyakan murid memilih “pasar malam” dan “kedai runcit” sebagai jawapan. Murid mungkin keliru tentang perbezaan makna antara “pasar” dan “pasar malam”. Murid yang memilih “kedai runcit” sebagai jawapan pula mungkin tidak pasti akan makna sebenar frasa tersebut. Soalan 3 memerlukan murid untuk berfikir dengan lebih mendalam dan membuat inferens berdasarkan video yang ditonton bagi mendapatkan jawapan yang tepat. (Lihat Jadual 1)

Berdasarkan dapatan di atas, boleh dirumuskan bahawa 35% orang murid berjaya mendapat markah penuh 4 markah, 60% orang murid mendapat 3 markah manakala 5% orang murid mendapat 2 markah.


Pembelajaran menjadi lebih seronok dan menyenangkan. Murid terlibat secara aktif melalui kuiz dalam batasan waktu yang ditentukan oleh guru. Penggunaan *Kahoot!* dalam pembelajaran juga dapat meningkatkan motivasi dan semangat murid untuk memberi jawapan dengan cepat dan tepat. Penggunaan *Kahoot!* juga telah memotivasikan murid yang pasif atau




pendiam agar sama-sama turut terlibat dengan aktif ketika menjawab soalan kefahaman.

Murid juga memberikan respons dalam templat rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka dalam portal SLS seperti dalam Rajah 2, 3 dan 4 di bawah ini.


Rajah 2: Respons Murid 3ML1 Bagi Bahagian ‘Fikir’ Dalam Portal SLS



Rajah 3: Respons Murid 3ML1 Bagi Bahagian ‘Tanya’ Dalam Portal SLS



Rajah 4: Respons Murid 3ML1 Bagi Bahagian “Teroka” Dalam Portal SLS



Bagi bahagian “Fikir” dalam rutin berfikir murid dapat memberikan pandangan mengenai petikan teks yang dibaca. Murid dapat menggunakan frasa adjektif seperti “suka membaca buku”, “budak yang baik”, “berkawan baik” dan “suka menolong/membantu orang lain” bagi menerangkan watak dalam petikan. Murid juga menggunakan kata sifat seperti “kasihan”, “sedih”, “bangga” dan “gembira” bagi mengekspresikan emosi mereka mengenai petikan yang dibaca.

Secara amnya, bagi bahagian “Tanya” dan “Teroka” dalam rutin berfikir, setiap kumpulan dapat mengingati dan menggunakan sekurang-kurangnya 3 jenis ayat tanya yang telah dipelajari. Murid dapat membina soalan yang relevan dan sesuai dengan menggunakan kata tanya yang telah dipelajari seperti “siapa”, “bila”, “di mana”, “apa” dan “mengapa”.

Murid juga dapat mengenal pasti dan memberi jawapan bagi soalan dengan betul. Ini menunjukkan bahawa murid dapat memahami petikan teks dengan baik dan juga dapat mengenal pasti jawapan yang diperlukan bagi memenuhi kehendak soalan.

Melalui pemerhatian guru, penggunaan Kiub Tanya dan Buku Kecil



yang digunakan semasa perbincangan telah membantu murid dalam menjana soalan-soalan yang mantap. Strategi seperti 'iKlu' & 'ASIDIBAMBI' (5W1H) telah membantu murid mengenal pasti idea utama, membina soalan yang mantap serta memberikan jawapan yang relevan bagi soalan-soalan yang dikemukakan. Murid tahu, dapat mencari, memberi jawapan yang diperlukan dan kenal pasti kata kunci bagi soalan kefahaman.

Penggunaan templat rutin berfikir 'Fikir-Tanya-Teroka' membolehkan murid melahirkan pemikiran mereka dengan lebih jelas dan nyata. Guru juga dapat melihat dan lebih memahami proses berfikir murid sewaktu menjawab soalan kefahaman. Templat rutin berfikir lebih berstruktur dan mampu meningkatkan kelakonan murid dalam menjawab soalan kefahaman.

Walaupun guru hanya fokuskan pada 5 jenis kata tanya iaitu, "apa", "siapa", "bila", "di/ke mana" dan "mengapa", terdapat juga beberapa orang murid yang boleh membina soalan menggunakan kata tanya "bagaimana". Contoh soalan "bagaimana" ialah "Bagaimanakah Aziz dan Fairuz menolong wanita tua itu?"

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa 100% orang murid dapat menjawab dengan cemerlang bagi soalan 1, 90% orang murid bagi soalan 2 dan 95% orang murid bagi soalan 3. Bagi soalan 4, hanya 50% daripada murid dapat memberikan jawapan yang betul. Kebanyakan murid yang dapat berikan jawapan yang salah memilih pendaya 2 sebagai jawapan. Murid keliru dengan kehendak soalan yang memerlukan jawapan "bila" dan bukan "di mana". Jawapan bagi soalan 4 seharusnya diperoleh dari perenggan terakhir.



Jadual 2: Respons Kuiz Kefahaman Melalui Portal SLS

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
	Qns.		Q1 (MCQ)		Q2 (MCQ)		Q3 (MCQ)		Q4 (MCQ)	Total Marks	
	Ans.		a		a		c		a	4	
Student		Class	1st Attempt		1st Attempt		1st Attempt		1st Attempt		
1	ARISSA QAISARA BINTE ABDULL	P3-IN	a		a		c		a	4	
1	AIDA SYAZA BINTE SANI	P3-PE	a		a		c		a	4	
4	IFFAH NAURAH BINTE MUHAMM	P3-IN	a		b		c		c	2	
5	INDAH ZULKIFLI	P3-IN									
11	SITI NURAIN BINTE SHAMSUDDI	P3-IN	a		a		c		a	4	
14	ANIQ AFZAAL BIN SUFRI	P3-IN	a		a		c		b	3	
15	NURIN INSYIRAH BINTE SYAMSU	P3-PE	a		a		c		a	4	
17	MOHAMAD RUSYAI DI ESMAEL M	P3-IN	a		a		c		c	3	
18	MUHAMMAD DANISH DANIAL BI	P3-IN	a		a		c		a	4	
21	MUHAMMAD SHAFY ANAQI BIN	P3-IN	a		a		c		a	4	
22	AUSHAF FIRAS BIN BASIRAN SIBI	P3-PE									
30	MUHAMMAD ALFARISH BIN MUI	P3-PE	a		a		c		b	3	
31	MUHAMMAD DHANISH HAZIQ BI	P3-PE	a		a		c		a	4	
			a		a		c		a		

Berdasarkan pencapaian murid, 45% (9 orang murid) mendapat 4 markah, 45% (9 orang murid) mendapat 3 markah dan hanya 10% (2 orang murid) mendapat 2 markah. Ini menunjukkan bahawa murid dapat memahami petikan dan menjawab soalan kefahaman dengan baik sekali. Strategi seperti 'iKlu', ASIDIBAMBI & rutin berfikir Fikir-Tanya-Teroka terbukti telah meningkatkan kemampuan murid 3ML1 & 3ML2 dalam menjawab soalan kefahaman. Dapatan juga menunjukkan bahawa penggunaan strategi-strategi tersebut telah membantu membina struktur dan fokus murid ketika mencari dan memilih jawapan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah menghasilkan dapatan yang positif. Kaedah yang digunakan berjaya menarik minat murid dalam pembelajaran kefahaman membaca. Murid dapat melibatkan diri secara aktif sepanjang pembelajaran dan lebih yakin untuk menjawab soalan-soalan kefahaman dengan baik.

Melalui penggunaan rutin berfikir "Fikir-Tanya-Teroka", murid dapat berfikir dengan lebih berstruktur. Murid dapat membina soalan-soalan yang



bermutu dan relevan berdasarkan petikan kefahaman yang dibaca. Murid juga dapat menjawab soalan-soalan kefahaman dengan tepat mengikut kehendak soalan.

Penggunaan *Kahoot!* & Kuiz di portal SLS telah meningkatkan keseronokan murid semasa menjawab soalan kefahaman. Murid juga dapat belajar secara santai. Integrasi 'iKLU', ASIDIBAMBI & rutin berfikir dalam pengajaran kefahaman bermanfaat dan memenuhi tujuan pengajaran kefahaman dalam bilik darjah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Sarimah Mohamad Noor
2. Nordiana Mohd Rashid
3. Radhiah Jais

RUJUKAN

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Menjadikan Pemikiran Jelas*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.

Karin Morrison, Mark Church, and Ron Ritchhart (2011). *Making Thinking Visible: How to Promote Engagement, Understanding, and Independence for All Learners*. John Wiley & Sons.

Stephanie Harvey and Anne Goudvis (2007). *Strategies That Work: Teaching Comprehension for Understanding and Engagement 2nd Edition*. Stenhouse Publishers.

Wan Dyarudin Wan Mustappa (2017). Keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2-5.

